

WARM WELCOME TO OUR NEW VICE CHANCELLOR/PRESIDENT

With great pleasure the Legal Office takes note of the appointment of a distinguished educationist, YBhg Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said who has been appointed the new Vice Chancellor of UiTM, effective 1 February 2016. He takes over from YBhg Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar whose term as Vice Chancellor of UiTM ended on 31 December 2015.

Prior to his appointment, Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said was the Vice Chancellor and President of Taylor's University, as well as the former Director-General of the Department of Higher Education, Ministry of Higher Education (January 2005 - April 2008). He holds a Bachelor's Degree in Mathematics from the University of Manchester, UK (1979), Master of Science from Brunel University, UK (1981) and a PhD from Brunel University (1984). He specialises in Computer-Aided Geometric Design.

We, at PPUU warmly welcome our new Vice Chancellor to UiTM. We are confident that in view of his excellent leadership record and academic achievements, YBhg Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said will take UiTM to a higher level, both in the richness of education and the quality of its staff.



*"Allah never changes a condition which
He has conferred upon a people until they
change what is in their own selves"*
(Holy Qur'an, Surah 8:53).

SEPINTAS LALU AKTA 173 (AKTA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 1976)

Oleh: Musrifah Sapardi*

Pengenalan

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Penubuhannya tertakluk kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan termaktub di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976. Ia memberikan pendidikan awam kepada pelajar-pelajar Bumiputera sama ada di kampus utama yang terletak di Shah Alam, mahupun di kampus-kampus cawangan yang terdapat di setiap negeri dan beberapa kolej bersekutu di Malaysia.

Ia merupakan sebuah universiti terbesar di Malaysia dari segi saiz dan enrolmen pelajar dan satu-satunya universiti awam yang menjalankan pengambilan dua kali setahun. Pengambilan pelajar hanya terbuka kepada Bumiputera, tetapi bagi program sarjana, pengambilannya juga terbuka kepada pelajar antarabangsa. Begitu juga bagi program-program persediaan yang dijalankan di Pusat Pendidikan Antarabangsa (INTEC). Walaupun polisi kemasukan pelajar ke INTEC hanya untuk kaum Melayu dan Bumiputera, tetapi INTEC menerima sebilangan pelajar bukan Bumiputera yang khusus ditaja oleh Kerajaan Malaysia.

Menurut Profil Universiti, UiTM telah berkembang pesat sejak penubuhannya pada tahun 1956 dan masih terus berkembang sehingga kini. Dengan tenaga pengajar dan staf pentadbiran melebihi 17,000 orang, UiTM mampu menawarkan lebih daripada 500 program kepada 175,000 pelajar. Melihat kepada penambahan bilangan pelajar yang semakin meningkat, UiTM telah menyiapkan Fasa 2 Universiti pada tahun 2014 untuk menampung pelajar-pelajar di Kampus Puncak Alam, Kampus Samarahan 2 di Sarawak, Kampus Jasin di Melaka, Kampus Pasir Gudang Johor, Kampus Seremban di Negeri Sembilan dan Kampus Tapah 2 di Perak.

Akta 173

Penubuhan UiTM termaktub di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 yang lebih dikenali sebagai Akta 173. Ia mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1976 dan mukadimahnyanya menyebut:

“Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi menubuh, menyenggara dan mentadbirkan Universiti Teknologi MARA dan lain-lain perkara yang berhubungan dengannya”.

Terdapat 7 Bahagian yang merangkumi 47 Peruntukan di dalam Akta 173 iaitu:

- Bahagian I berkenaan Permulaan;
- Bahagian II mengenai Penubuhan Universiti;
- Bahagian III menyentuh tentang Lembaga Pengarah Universiti (LPU);
- Bahagian IV meliputi Pegawai dan Lain-Lain Kakitangan Universiti;
- Bahagian V ialah tentang Kewangan;
- Bahagian VII berkait dengan (Perkara) Am dan;
- Bahagian VII berkaitan Peralihan.

Akta 173 mempunyai 2 Jadual iaitu:

- (a) Jadual 1 yang melibatkan perenggan 4A(1)(c) iaitu Kuasa UiTM membuat peraturan berkenaan dengan perbadanan.
- (b) Jadual 2 yang melibatkan Seksyen 13 berkenaan Peraturan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Keahlian LPU.

Bahagian I, Akta 173 (Seksyen 1-2)

Bahagian 1 Akta 173 menyatakan secara terperinci tentang permulaan (preliminary) yang merangkumi tajuk ringkas (Seksyen 1-1A) dan ‘*interpretation section*’ daripada abjad ‘a’ hingga ‘v’ di bawah Seksyen 2.

Antaranya:

- “Naib Canselor” bermaksud Naib Canselor Universiti yang dilantik oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan atas pendidikan di bawah Seksyen 20(1).
- “Universiti” bermaksud Universiti Teknologi MARA yang telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3.
- “Kampus” bermaksud kawasan atau kawasan-kawasan, bersama dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada

* Timbalan Penasihat Undang-Undang UiTM dan Professor Madya di Fakulti Undang-Undang UiTM. Kertas kerja ini telah di bentangkan kepada staf pentadbiran UiTM di Dewan Al-Ghazali, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia UiTM pada 12 Februari 2015.

selama-lamanya atau selainnya oleh Universiti.

- “Senat” bermaksud Senat Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 16A yang bertujuan untuk menasihati LPU tentang segala perkara berkaitan akademik universiti.
- “Cawangan” bermaksud cawangan UiTM yang ditubuhkan di bawah Seksyen 7.
- “Kakitangan” maksudnya:
 - (a) Mana-mana pegawai atau pengkhidmat universiti
 - (b) Mana-mana orang yang dilantik menjadi pensyarah oleh LPU dan termasuklah professor kanan, professor, professor madya, penolong professor, reader, pensyarah kanan, penolong pensyarah, tutor; atau
 - (c) Mana-mana orang yang diguna khidmat oleh Universiti.
- “Pendaftar” bermaksud pegawai utama Pejabat Pendaftaran Universiti yang dilantik dibawah Seksyen 21 yang mana lantikannya dibuat oleh LPU dengan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan yang diluluskan oleh LPU.
- “Bendahari” bermaksud pegawai utama kewangan Universiti yang dilantik oleh LPU di bawah Seksyen 22 dengan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan yang diluluskan oleh LPU.
- “Pelajar” bermaksud seseorang pelajar berdaftar Universiti yang mengikuti kursus.
- “Kumpulan Wang” bermaksud wang UiTM yang ditubuhkan di bawah Seksyen 24 yang mana hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh LPU.
- “Universiti” bermaksud universiti awam atau kolej universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Begitu juga universiti atau kolej universiti swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Bahagian II, Akta 173 (Seksyen 3-12)

Bahagian II Akta 173 menyatakan secara terperinci tentang perkara-perkara berikut:

- Pembentukan UiTM seperti yang disebut di bawah Seksyen 3 hingga 12.
- Penubuhan UiTM sebagai sebuah pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai kuasa penuh untuk mendakwa dan didakwa seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 3(a). Ini bermakna UiTM mempunyai kuasa untuk memulakan saman dan boleh disaman.
- Kuasa-kuasa UiTM yang antara lain menyentuh tentang kursus-kursus pengajaran; menganugerahkan ijazah; melantik dan menaikkan pangkat kakitangannya dan kuasa untuk menjalankan penyelidikan dan pengeluaran komersil bagi pemajuan dan penggunaan yang berkesan (Seksyen 4(1)(a)-(l)) iaitu:

- (a) UiTM mempunyai kuasa untuk menetapkan syarat-syarat dan skim perkhidmatan kakitangannya.
- (b) Menubuhkan skim pencen, persaraan dsb bagi faedah kakitangan.
- (c) Memasukkan kontrak
- (d) Membina kemudahan-kemudahan yang difikirkan perlu oleh universiti
- (e) Mewujudkan biasiswa atau skim pinjaman untuk kakitangan dan pelajar
- (f) Mengendalikan dan mempromosikan penyelidikan komersil daripada universiti
- (g) Memasarkan dan menfrancaiskan perkhidmatan, penyelidikan dan produk daripada universiti
- (h) Meminta atau menerima bayaran seperti yang ditetapkan oleh LPU

- Kuasa Tambahan kepada UiTM di bawah Seksyen 4A(1) di mana dengan kelulusan daripada Menteri Kewangan, UiTM boleh melaksanakan beberapa perkara seperti menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti yang telah dirancang oleh universiti (Seksyen 4A(b)). Antaranya:

- (a) Penglibatan UiTM secara pemilikan ekuiti, perkongsian atau usahasama
- (b) Menubuhkan perbadanan bagi menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan
- (c) Membuat pinjaman tertakluk kepada kelulusan Menteri (contohnya, debentur, bon, saham).
- (d) Membuat pelaburan
- (e) Pembelian harta

- Meterai Universiti (Common Seal of University) di bawah Seksyen 5.

- (a) LPU boleh meluluskan penggunaan meterai UiTM
- (b) Meterai hendaklah disimpan dalam jagaan Naib Canselor
- (c) Meterai keatas ijazah, diploma dan sijil dihadapan Naib Canselor dan Pendaftar UiTM
- (d) Meterai menjadi pengiktirafan rasmi dan kehakiman

- Lokasi Universiti dan Cawangan-Cawangannya (Seksyen 6 dan 7).

- (a) Lokasi UiTM Induk di Shah Alam beserta di bandar-bandar satelit di Selangor
- (b) Kampus cawangan boleh diwujudkan di negeri-negeri lain dalam Malaysia
- (c) Perlantikan Rektor-Rektor untuk kampus-kampus cawangan oleh Menteri
- (d) Lokasi ini boleh digantikan dengan lokasi lain dengan peruntukan khas daripada Menteri

Governan Universiti menyentuh tentang Konsep 1U2S yang menyarankan Universiti Induk sebagai Pusat

Pentabiran Universiti. Manakala Kampus Negeri diberikan status autonomi dalam aspek pentadbiran (Autonomous State Administration). UiTM Induk diketuai oleh Presiden/Naib Canselor dan Kampus-Kampus Negeri diketuai oleh Rektor-Rektor. Sejak Jun 2014, 7 buah kampus negeri telah diberikan status autonomi iaitu Perlis, Perak, Terengganu, Sarawak, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang.

- Pembahagian Sekolah-Sekolah dan Pusat-Pusat (Seksyen 8)
 - (a) Naib Canselor hendaklah melantik Ketua-Ketua Sekolah/Dekan-Dekan untuk Fakulti-Fakulti dan Pusat-Pusat.
 - (b) Ketua-Ketua Sekolah/Dekan-Dekan hendaklah bertanggungjawab kepada Naib Canselor.
- Pengendalian pengajian dengan mana-mana universiti atau pihak luar dibenarkan asalkan mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri Pendidikan Tinggi terlebih dahulu (Seksyen 9)
 - (a) UiTM boleh menjalankan kursus-kursus pengajian bersama dengan mana-mana universiti, IPT atau badan-badan profesional sama ada dalam atau luar negara termasuk juga *'exchange programme'*.
 - (b) Walaubagaimanapun ianya tertakluk kepada kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi.
- Kuasa Am kepada UiTM untuk menjalankan urusan atau transaksi (Seksyen 10)
 - (a) UiTM mempunyai kuasa untuk memasukkan transaksi yang pada fikirannya boleh memudahkan perjalanan kewajipannya dan juga memberikan manfaat kepada universiti.
- Kuasa untuk menggunakan khidmat ejen (Seksyen 11). Di mana, penggunaan khidmat ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik termasuk peguambela dan peguamcara untuk melaksanakan tanggungjawabnya.
- Kuasa UiTM untuk tugas-tugas tambahan bagi kepentingan universiti.
 - (a) UiTM boleh membelanjakan apa-apa wang lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh Menteri kepadanya, dengan syarat bahwa akaun-akaun wang itu hendaklah disimpan berasingan dan terpisah daripada akaun-akaun Kumpulan Wang UiTM seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 24.
 - (b) Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, UiTM dianggap telah memenuhi keperluan Akta 173.

Bahagian III, Akta 173 (Seksyen 13-16B)

Bahagian III Akta 173 menyebut tentang Lembaga dan peranannya:

- Seksyen 13(1) menyatakan secara terperinci tentang

keanggotaan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UiTM.

- (a) Pengerusi LPU
- (b) Naib Canselor
- (c) 2 orang wakil kerajaan
- (d) 5 anggota lain (3 daripada sektor swasta)
- (e) Pendaftar sebagai Setiausaha

(*Perlu dinyatakan di sini bahawa korum bagi mesyuarat adalah sekurang-kurangnya 5 orang ahli.)

- Kuasa dan Tugas Lembaga dinyatakan di dalam Seksyen 14. Lembaga hendaklah menjadi badan eksekutif Universiti. Antara tugasannya termasuk mengelola, mengawal dan mentadbir Universiti.
- Perwakilan Kuasa Lembaga (LPU) kepada mana-mana ahli tetapi tertakluk kepada arahan-arahan dan kawalan Lembaga (Seksyen 15).
- Lembaga boleh melantik Jawatankuasa Lembaga dari kalangan anggota-anggotanya sebagaimana yang difikirkan perlu atau wajar (Seksyen 16).
- Penubuhan Senat Universiti untuk menasihati Lembaga tentang perkara-perkara akademik (Seksyen 16A).

Keahlian Senat:

- (a) Naib Canselor
- (b) Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- (c) Dekan-Dekan
- (d) Ketua-Ketua Sekolah / Pusat,
- (e) Wakil Rektor dari Kampus Cawangan
- (f) Staf Akademik Kanan (Profesor)
- (g) Pendaftar sebagai Setiausaha
- (h) Ahli Turut Hadir (Tanpa Kuasa Mengundi)
- Penubuhan Persatuan Alumni UiTM (Seksyen 16B).
 - (a) Ia boleh ditubuhkan dengan kelulusan LPU dan keanggotaan ahli sekurang-kurangnya 30 orang
 - (b) Pertubuhan Alumni hendaklah ditadbir oleh pengurus Perlembagaanya sendiri

(*Perlu dinyatakan di sini bahawa Seksyen 17-19 Akta 173 sebelum Pindaan 2000 telah dimansuhkan.)

Bahagian IV, Akta 173 (Seksyen 19A-23)

Bahagian IV, Akta 173 berkenaan Pegawai-Pegawai dan Lain-Lain Kakitangan Universiti. Antaranya menyebut tentang perkara-perkara berikut:

- Peruntukan tentang Canselor UiTM dinyatakan di dalam Seksyen 19A(1). Menurut Seksyen 19A(2), Canselor UiTM ialah Yang DiPertuan Agong (YDPA). Buat masa ini **Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah** merupakan Canselor UiTM. Diantara tugas

YDPA ialah untuk hadir dan menjalankan tugasnya dalam Majlis Konvokesyen UiTM.

- Peruntukan tentang Pro-Canselor dinyatakan di dalam Seksyen 19B(1). Mereka memegang jawatan atas perkenan YDPA. Pada masa ini, Pro-Canselor UiTM ialah:
 - (a) **YBhg Tan Sri Dato' Seri Utama Haji Arshad Ayub**
 - (b) **YBhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad**
 - (c) **YBhg Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed**
 - (d) **YBhg Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid**
- Peruntukan tentang Naib Canselor dinyatakan di dalam Seksyen 20(1) dan Timbalan Naib Canselor pula di dalam Seksyen 20(7).
 - (a) Mereka kesemuanya dilantik oleh Menteri.
 - (b) Mereka dikehendakki memegang jawatan tersebut dengan kehendak Menteri.
 - (c) Naib Canselor UiTM pada masa ini ialah **YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said**. Naib Canselor UiTM hendaklah bertindak sebagai Ketua Eksekutif, Pentadbir dan Pegawai Akademik Universiti.
 - (d) Timbalan Naib Canselor (TNC).

Menteri boleh melantik beberapa orang TNC selepas berunding dengan Naib Canselor. Menteri juga boleh berunding dengan Naib Canselor untuk menentukan terma dan syarat lantikan TNC. TNC juga boleh menjalankan tugas Naib Canselor semasa ketiadaannya dengan lantikan daripada Menteri. Pada masa ini di UiTM:

TNC (Akademik & Antarabangsa)

Professor Sr Ir Dr Suhaimi Abdul Talib

TNC (Hal Ehwal Pelajar)

Professor Dato' Dr Abdullah Mohammad Said

TNC (Penyelidikan dan Inovasi)

Professor Ir Dr Abdul Rahman Omar

TNC (Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni)

-

- Peruntukan tentang pelantikan Pendaftar di bawah Seksyen 21(1). Pendaftar UiTM dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti. Beliau berperanan sebagai Pegawai utama Pejabat Pendaftar Universiti dan bertanggungjawab kepada Naib Canselor. Pada masa ini Pendaftar UiTM ialah **YBrs Puan Azida Azmi**
- Peruntukan tentang Bendahari tertera di dalam Seksyen 22(2). Bendahari UiTM dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti dan beliau mempunyai tanggungjawab sebagai Pegawai Kewangan Utama di UiTM. Bendahari UiTM. Buat masa ini, **YBrs Dr Mohd Anuar Marzuki** merupakan Pemangku Bendahari UiTM.
- Pelantikan Pegawai Utama di UiTM yang lain ada dinyatakan di dalam Seksyen 22A(1) dan (2). Pihak UiTM menerusi LPU boleh melantik Pegawai Utama yang lain di mana mereka bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor. Pihak LPU boleh menetapkan

syarat dan terma perkhidmatan mereka. Sebagai contoh, di UiTM, Pegawai Utama Lain ialah **Professor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi** yang melaksanakan tugas sebagai Penasihat Undang-Undang Universiti

**Nota: Mereka-mereka yang disebutkan di atas merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Universiti.*

- Perlantikan pegawai (staf) yang lain di bawah Seksyen 23. Pihak LPU boleh melantik mana-mana staf lain untuk menjalankan tugas bagi kepentingan universiti dan bertanggungjawab kepada Naib Canselor. Pada masa ini, pentadbiran tinggi atau 'senior management' di UiTM diterajui oleh **Encik Noor Hidayat Adnan** (Ketua Pustakawan); **Prof. Dr Hadariah Bahron**, PNC (Penyelidikan); **Prof. Dr Roziah Janor**, PNC Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA); **Prof. Madya Dr Ismie Roha Mohamed Jais**, Pemangku PNC Institute of Leadership & Quality Management (iLQAM); **Prof. Dr Hj Razmi Chik**, PNC Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED), **Prof. Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed** PNC Kampus UiTM Sungai Buloh & Selayang dan **Professor Datin Ir. Dr Zainab Mohamad** sebagai PNC (Pembangunan, Pengurusan Fasiliti and ICT).

Bahagian V, Akta 173 (Seksyen 24-28A)

Bahagian V Akta 173 menyebut tentang kewangan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya:

- Penubuhan Kumpulan Kewangan UiTM yang dikawal selia oleh LPU dinyatakan di dalam Seksyen 24(1) dan Dana Simpanan pula dinyatakan di bawah Seksyen 24(6). Kumpulan Wang UiTM terdiri daripada:
 - (a) Peruntukan Parlimen
 - (b) Pinjaman daripada Kerajaan
 - (c) Apa-apa pemberian kepada UiTM
 - (d) Hasil pelaburan, subsidi, pajakan, gadaian dan lain-lain

*(*Kesemua wang yang dibayar kepada UiTM hendaklah dibelanjakan sepertimana yang telah diluluskan oleh Menteri)*

- Kumpulan Wang Rizab dengan syarat digunakan untuk tujuan Universiti sahaja dinyatakan di dalam Seksyen 25
 - (a) UiTM dikehendakki menubuhkan Kumpulan Wang Rizab dan dikawal pembayaran keluar masuk wang oleh LPU
 - (b) Wang ini tidak boleh dibelanjakan bagi maksud lain daripada UiTM
- Anggaran-Anggaran Tahunan Universiti dan pembentangnya kepada Lembaga disebut di dalam Seksyen 26
- Akaun dan Audit pula dinyatakan di dalam Seksyen 27
 - (a) UiTM hendaklah menyediakan penyata-penyata

- akaun bagi tiap-tiap satu tahun kewangan
- (b) Pengauditan hendaklah dibuat oleh Ketua Audit Negara
- (c) YB Menteri hendaklah membentangkan laporan kewangan UiTM dalam sesi di Parlimen
- Hadiah-Hadiah yang diterima dinyatakan di dalam Seksyen 28. LPU boleh menerima apa-apa hadiah/ pemberian sebagai bantuan kewangan kepada UiTM
- Surcaj berkaitan isu kewangan sahaja dinyatakan di dalam Seksyen 28A. Di dalam Seksyen ini dinyatakan tentang Kuasa LPU untuk surcaj kakitangan yang bertanggungjawab terhadap kekurangan atau kehilangan wang, sekuriti, simpanan, atau harta UiTM

Bahagian VI, Akta 173 (Seksyen 29-35)

Bahagian VI Akta 173 merupakan Bahagian Am yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Kuasa Menteri memberi arahan dinyatakan di dalam Seksyen 29
 - (a) LPU dan Naib Canselor bertanggungjawab kepada Menteri
 - (b) Menteri boleh memberikan arahan yang difikirkan perlu dari masa kesemasa kepada LPU dan Naib Canselor
- Perwakilan Kuasa daripada Menteri kepada LPU dinyatakan di dalam Seksyen 29A
 - (a) Menteri boleh mewakilkan kuasa kepada LPU
 - (b) Perwakilan kuasa tersebut boleh dibatalkan oleh Menteri pada bila-bila masa sahaja
- Konvokesyen di sebut di dalam Seksyen 29B
 - (a) Canselor (YDPA) boleh mengarahkan konvokesyen UiTM dijalankan
 - (b) Jika Canselor tiada, istadat konvokesyen UiTM hendaklah dijalankan oleh Pro Canselor atau Naib Canselor
- Perlindungan Pihak Berkuasa Awam dinyatakan di dalam Seksyen 31. Kesemua kaitangan UiTM dilindungi oleh Akta Perlindungan Pihak Berkuasa 1948 (Akta 198) daripada sebarang pendakwaan atau tindakan sivil semasa menjalankan tugas-tugas rasmi.
- Penjawat Awam dinyatakan di dalam Seksyen 32. Kesemua kakitangan UiTM dianggap sebagai penjawat awam mengikut Kanun Keseksaan (*Penal Code*) dalam menjalankan tugas rasmi.
- Tanggungan Kerahsiaan dinyatakan di dalam Seksyen 33
 - (a) Tanggungjawab untuk tidak mendedahkan maklumat universiti
 - (b) Jika disabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman
 - (c) Hukuman penjara tidak lebih 6 bulan atau denda tidak lebih RM1,000 atau kedua-duanya sekali
- Tindakan Sivil dinyatakan di dalam Seksyen 34. Mana-mana kakitangan yang diberi kuasa oleh Naib Canselor (termasuk Pejabat Penasihat Undang-Undang) boleh mewakili universiti dalam kes-kes sivil
- Tiada tindakan atau tindakan guaman ke atas kakitangan UiTM yang menjalankan tugas dengan suci hati seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 34A. Perlu diketahui bahawa tindakan undang-undang tidak boleh diambil ke atas semua pegawai utama/ pegawai kanan dan kakitangan UiTM yang menjalankan tugas mereka dengan suci hati (*bona fide or good faith*)
- Penyampaian notis oleh atau kepada UiTM dinyatakan di dalam Seksyen 34B
 - (a) Penyampaian apa-apa notis hendaklah dibuat melalui pos berdaftar
 - (b) Undang-undang kontrak terpakai
 - (c) Notis disifatkan sebagai telah sampai kepada penerima apabila surat tersebut telah diposkan kepadanya
- Kuasa LPU membuat Peraturan dinyatakan di dalam Seksyen 35. LPU boleh menggubal peraturan yang difikirkan perlu bagi maksud penguatkuasaan peruntukan-peruntukan Akta 173.

Bahagian VII, Akta 173 (Seksyen 36-47)

Bahagian VI Akta 173 ini menjelaskan tentang Peralihan ITM kepada UiTM yang menyebut perkara-perkara berikut:

- Tafsiran nama UiTM seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 36
- Pemindahan kuasa seperti yang disebut di dalam Seksyen 37. Perkara ini tertakluk kepada peruntukan Akta 173, di mana kesemua kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan diturunkan kepada UiTM
- Pindah milik harta dinyatakan di dalam Seksyen 38. Segala harta ITM sama ada harta alih atau harta tidak alih menjadi harta UiTM
- Kontrak-Kontrak yang sedia ada seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 39. Semua surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara, dan perkiraan kerja beralih daripada ITM kepada UiTM
- Penerusan langkah pembicaraan jenayah seperti yang disebut di dalam Seksyen 40. Ini termasuk apa-apa rayuan yang di buat atau keputusan yang di terima.
- Pindah milik wang ada dinyatakan di dalam Seksyen 41
- Penerusan pegawai-pegawai dan penjawat awam dinyatakan di dalam Seksyen 42
- Pelajar-pelajar dinyatakan di dalam Seksyen 43
- Tindakan tatatertib yang belum selesai seperti yang disebut di dalam Seksyen 44
- Kampus-kampus Cawangan UiTM seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 45
- Pembubaran badan pengelolaan (governan) dinyatakan di dalam Seksyen 46
- Kuasa Menteri untuk meminda klausa-klausa di Bahagian VI dengan syarat setiap perintah yang dibuat dibentangkan di Parlimen selepas diwartakan ada dinyatakan di dalam Seksyen 47(1) dan (2).

Jadual-Jadual di dalam Akta 173

Jadual 1 Akta 173 (Perkara 1-6)

- Peraturan Perbadanan
- Kuasa Universiti untuk Meminda
- Badan Korporat
- Cap Meterai

Jadual 2 Akta 173 (Perkara 1-10)

Berdasarkan Seksyen 13 Akta 173, Jadual Kedua menjelaskan tentang:

- Peraturan mengenai Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
 - (a) Ketika mesyuarat, Pengerusi LPU hendaklah mempengeruskannya
 - (b) Jika Pengerusi tiada, anggota-anggota LPU hendaklah melantik salah seorang daripada mereka menjadi Pengerusi
 - (c) LPU boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud menasihati dsb (tetapi orang yang diundang tiada hak mengundi).
- Peraturan tentang Keahlian LPU

Mereka yang dilantik akan hilang kelayakan jika:

 - (a) Disabitkan kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak
 - (b) Disabitkan kesalahan rasuah
 - (c) Disabitkan kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh yang melebihi 2 tahun
 - (d) Didapati bankrap
 - (e) Diisytiharkan tidak sempurna akal
 - (f) Jika mereka tidak menghadiri mesyuarat Lembaga 3 kali berturut-turut
 - (g) Jika perlantikannya telah dibatalkan

Kesimpulan

Perlu ditekankan bahawa Akta 173 telah digubal sempena penubuhan UiTM. Penggubalan Akta ini sangat penting kerana ia menyediakan garis panduan untuk penyelenggaraan dan kelancaran pentadbiran serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Akta 173 juga bertindak sebagai perakuan peralihan institusi dari sebuah institut kepada sebuah universiti, berserta kuasa yang diberi untuk membolehkan ia berfungsi seperti universiti-universiti lain, termasuklah penawaran kursus-kursus pengajian dan penganugerahan ijazah pada semua peringkat.

Ketegasan Kerajaan Malaysia berkenaan hak eksklusif orang Melayu dan Bumiputra di UiTM kadang-kala dicabar. Sepatutnya hak keistimewaan ini tidak boleh dicabar kerana ianya termaktub di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang antaranya memberi tanggungjawab kepada YDPA untuk menjaga kedudukan keistimewaan orang Melayu dan penduduk asal Malaysia atau Bumiputera. Kerajaan Pusat melindungi kepentingan kumpulan ini dengan mengadakan kuota kemasukan ke

dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan pendidikan awam. Ini dianggap sebagai sebahagian daripada kontrak sosial. Menurut Professor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim ketika di wawancara oleh Bernama (Sept. 2010), *“mereka yang mempertikaikan hak-hak keistimewaan ini adalah mereka yang buta sejarah.”*

Setakat hari ini, terdapat lebih daripada 20 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan lebih daripada 150 Institusi Pengajian Tinggi Swata (IPTS) yang menawarkan pelbagai kursus kepada semua kaum di negara ini. Hanya satu sahaja daripada institusi-institusi tersebut yang menawarkan program kepada kaum Melayu dan Bumiputera yang merupakan penduduk majoriti di negara ini. Maka, sesiapa yang mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera untuk melanjutkan pelajaran ke UiTM bukan sahaja telah melangkaui sempadan kaum, malah turut mencabar undang-undang (Fasa-fasa dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan). Pertikaian tersebut bukan sahaja bercanggah dengan Perlembagaan, malah menyentuh isu penubuhan UiTM sendiri yang jelas termaktub di dalam Seksyen 1A Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) yang pindaannya telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada tahun 2000 : UiTM Ditubuhkan menurut peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Salah satu ruang bagi orang Melayu dan Bumiputera untuk memajukan diri ialah dengan melanjutkan pelajaran mereka di institusi-institusi pengajian tinggi sama ada di dalam mahupun luar negara. Kepada mereka yang kurang berkemampuan tetapi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, mereka boleh memohon untuk menuntut ilmu di UiTM yang mana yuran pengajiannya adalah lebih murah berbanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain. Tujuannya untuk memberi peluang kepada mereka bagi mencapai tahap pembelajaran yang lebih tinggi dan menyiapkan mereka untuk kerjaya dalam pelbagai bidang sejajar dengan Falsafah UiTM yang menyebut:

“Kepercayaan bahawa semua manusia mempunyai bakat, minat dan kecenderungan, dan jika diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui pemindahan ilmu pengetahuan dari mana-mana kebudayaan atau tamaddun dunia secara terbuka serta melalui pemindahan dan penerapan nilai-nilai Islam, boleh berperanan dalam membangunkan diri, masyarakat dan negara”

Akta 173 amat perlu diketahui oleh segenap orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam memupuk semangat kecintaan ilmu kepada anak bangsa yang pada hakikatnya sehingga kini masih ketinggalan dalam beberapa bidang berbanding bangsa lain di Malaysia.